

Lalang penuhi Sungai Serkam

Jabatan Pengairan dan Saliran diminta lakukan pembersihan bagi memudahkan aliran selain menjadi tarikan pemancing

Oleh Mohamad Yatim Latip

JASIN: Penduduk yang tinggal berhampiran Sungai Serkam di Merlimau, dekat sini, mahu pihak berkuasa termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membersihkan sungai terbabit yang kini dipenuhi rumput liar seakan-akan lalang.

Tinjauan *Berita Harian* mendapati, tumbuhan liar itu memenuhi hampir keseluruhan permukaan Sungai Serkam sepanjang lebih satu kilometer dari muaranya.

Keadaan itu bukan saja mencemarkan pandangan, malah turut menyebabkan air sungai tidak dapat mengalir lancar.

Ia juga menyebabkan parit selebar kira-kira dua meter yang menyalurkan sisa kumbahan daripada bengkel dan kawasan perumahan Taman Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Pulai ke sungai terbabit, tersumbat.

Berikutan itu, keadaan parit juga dilihat tercemar, berbuih kotor dan berminyak dipercayai kerana sampah di dalamnya tidak dapat mengalir keluar dengan baik selepas tersekat oleh lalang di sungai.

Keadaan ini dikhuatiri boleh menyebabkan masalah banjir di kawasan penempatan penduduk berhampiran.

Selain itu, tinjauan juga mendapati, jambatan merentangi Sungai Serkam di situ rosak dengan beberapa kayu pada bahagian hujung dilihat patah. Ia dikhuatiri boleh menimbulkan bahaya kepada pengguna terutama kanak-kanak.

Penduduk, Marzuki Jelani, 36, mendakwa rumput dan lalang yang menutupi permukaan sungai itu

semakin membiak dan meliar sejak akhir-akhir ini.

Beliau yang tinggal di taman perumahan IKS Pulai, sejak kira-kira dua tahun lalu, kesal dengan keadaan terbiar itu dan mendakwa sungai terbabit berpotensi sebagai kawasan rekreasi berikutan ikan seperti betuk dan haruan banyak di situ.

Sementara itu, seorang penduduk yang enggan dikenali mendakwa, rumput dalam Sungai Serkam itu dilihat kian meliar selepas JPS dikatakan meracunnya, pada pertengahan tahun sebagai usaha memusnahkannya.

"Tetapi usaha itu dilihat gagal, sebaliknya rumput itu kian memenuhi Sungai Serkam kini.

"Apa yang saya tahu, sungai ini semangnya dibersihkan dua kali setahun oleh JPS. Mereka juga dipercayai akan melakukan kerja-kerja pembersihan permukaan sungai dalam masa terdekat ini," katanya.

“*Jika dijaga dengan sempurna dan keadaan persekitaran dibersihkan, Sungai Serkam mampu menjadi lokasi menarik bagi mereka yang gemar memancing”*

Marzuki Jelani
Penduduk



SEMAK: Marzuki memancing di Sungai Serkam walaupun ia dipenuhi rumput liar hampir keseluruhan permukaannya.